

# Dua sungai punca banjir

KUALA LUMPUR – Dua kejadian banjir kilat yang melanda ibu negara baru-baru ini dipercayai berpunca daripada limpahan air Sungai Klang dan Sungai Kerayong sehingga gagal ditampung oleh sistem perparitan sedia ada.

Kedua-dua sungai itu pula menerima aliran air yang deras dari hulu Ampang dan Gombak ekoran hujan melebihi 100 milimeter (mm) yang turun selama kira-kira empat jam.

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan DBKL, Mohd. Amin Nordin Abd. Aziz berkata, adalah satu kesilapan mengatakan banjir itu berpunca daripada projek Terowong Pengurusan Air Banjir dan Lalu Lintas (SMART).

“Kami juga yakin, sistem perparitan yang di bawah tanggungjawab DBKL tidak ada kena mengena dengan kejadian banjir itu,” jelasnya kepada *KOSMO!* ketika dihubungi baru-baru ini.

Jelas Mohd. Amin, DBKL sentiasa memantau dan membersihkan kawasan longkang yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Selain itu, DBKL turut menyediakan kolam-kolam tadahan dan rumah pam yang meningkatkan sistem perparitan di bawah seliaan DBKL seterusnya menghalang daripada banjir kilat berterusan.

Menyentuh projek SMART yang dijangka siap penghujung tahun hadapan, Mohd. Amin berharap ia akan meningkatkan lagi keberkesanan sistem perparitan di ibu kota dan mencegah berulangnya banjir kilat.